

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hari Matahari Antarabangsa 2014 Sabtu ini	Utusan Malaysia
2	Pereka inovasi tempatan terpinggir	Sinar Harian
3	El Nino: Kerajaan negeri sudah buat persiapan	Sinar Harian
4	Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga ahad	Bernamea.com
5	Unjur bioteknologi hasilkan 60 peratus pelaburan	Berita Harian
6	Syarikat milik Kementerian Kewangan rugi RM 78.72 Juta	Utusan Malaysia
7	Signing on to science's superiority	New Straits Times
8	ECERDC bantu jana pendapatan usahawan lebih lumayan	Bernamea.com
9	Dua anggota parlimen PKR diperintah keluar dari dewan rakyat	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

Hari Matahari Antarabangsa 2014 Sabtu ini

KUALA LUMPUR 17 Jun
- Orang ramai dijemput menghadiri sambutan Hari Matahari Antarabangsa 2014 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di Oriental Village, Langkawi, Kedah pada Sabtu ini.

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dalam kenyataannya di sini hari ini berkata, program itu bertujuan memupuk minat orang ramai terhadap bidang sains dan teknologi angkasa.

"Sambutan ini merupakan salah satu inisiatif Angkasa menerusi projek Solar Astronomi Charlie Bates untuk menambah kesedaran awam terhadap keunikan dan kepentingan matahari kepada manusia

"Antara aktiviti yang disediakan adalah seperti pencerapan matahari, tayangan mini planetarium, membina jam matahari, membina pelangi spektrum matahari, pertandingan mewarna dan teka bilangan tompok matahari," kata kenyataan itu.

Maklumat lanjut berhubung sambutan itu boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang atau Facebook Angkasa.

Pereka inovasi tempatan terpinggir

Hasil rekaan inovasi lokal setanding produk rekaan luar tetapi tiada peluang untuk dikomersialkan

SABAK BERNAM - Bekas juara anugerah inovasi cemerlang peringkat negeri Selangor 2009 kesal apabila golongan pereka inovasi di negara ini terpinggir, walaupun ada di antara hasil ciptaan mereka mampu menembusi pasaran tempatan.

Marham Dolah Kanan, 51, berkata, kerana birokrasi syarikat dan pengilang menjadi punca utama pereka inovasi sukar mengembangkan bakat dan menghasilkan produk yang lebih kreatif dan inovatif pada masa hadapan.

Menurutnya, kebanyakan pereka inovasi sukar mendapat kepercayaan daripada pengilang untuk menghasilkan produk ciptaan sendiri meskipun mereka mendapat pengiktirafan daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Saya sendiri berdepan dengan masalah ini apabila syarikat (pengilang) meminta kita menghasilkan pelbagai reka bentuk, sedangkan kita pun baru mencipta sesuatu produk terbahit," katanya.

Malah katanya, terdapat ramai pereka inovasi profesional di Institusi

Pengajian Tinggi (IPT) terpaksa menyimpan hasil rekaan masing-masing hanya untuk pertunjukan atau pameran semata-mata disebabkan ketiadaan syarikat untuk mengambil idea kreatif tersebut untuk dipasarkan.

"Pereka inovasi di Malaysia ini terpinggir, kalau nak popular bolehlah masuk pertandingan dan menang kemudiannya dapat hadiah. Tapi idea untuk memasarkan produk yang dihasilkan belum tentu dapat menarik minat syarikat," katanya sambil memberitahu terdapat juga syarikat pengilang yang melihat idea pereka inovasi kemudiannya meniru hasil rekaan tersebut.

"Setelah itu idea itu ditiru, ia kemudian diserahkan kepada pihak lain untuk menghasilkan produk yang sama tetapi mempunyai reka bentuk yang berbeza.

"Saya pernah hantar hasil rekaan topi kalendar kanak-kanak pada sebuah syarikat pengilang, malangnya hasil rekaan saya itu ditiru dan diubah dari segi reka bentuknya sahaja," katanya.

Selain masalah itu, Marham berkata, pereka inovasi juga berdepan



Marham yang hanya bergantung kepada punca pendapatan hasil inovasi meminta YIM memberi perhatian serius pereka inovasi agar produk kreatif mereka itu diterima syarikat sekali gus dapat dipasarkan.

masalah memohon pinjaman bank, sedangkan semasa seminar inovasi yang dihadiri mereka sebelum ini, pihak institusi kewangan memberi jaminan membantu pereka inovasi tempatan.

"Pihak bank sendiri mengakui pereka inovasi boleh membuat pinjaman bank. Kalau tak mampu

untuk reka yang besar, reka yang kecil. Tapi, apabila dah direka yang kecil, pinjaman susah nak diluluskan," katanya.

Sehubungan itu katanya, YIM diminta untuk menggerakkan lagi usaha mencari pereka inovasi tempatan yang boleh menghasilkan produk berkualiti tinggi untuk dipasarkan

sekali gus bersaing dengan produk import yang lain.

"Kita lihat saja negara maju seperti Jepun amat mengiktiraf idea kreatif rakyatnya berbanding di negara ini, yang masih bergantung kepada hasil inovasi teknologi luar. Pada saya, jika inovasi tempatan dikomersialkan, tak mustahil hasil inovasi tempatan mampu bersaing di pasaran," katanya.

Menurutnya, beberapa hasil inovasi yang diciptanya hanya mampu dijual kepada penduduk setempat mengikut tempahan memandangkan kos yang diperlukan bagi menghasilkan sesuatu produk kreatif memerlukan modal yang tinggi.

"Pendapatan saya bergantung kepada tempahan pelanggan.

"Jika ada tempahan inovasi, adalah sumber pendapatan. Tapi untuk memasarkan produk di negara ini amat mustahil kerana terdapat banyak halangan," katanya sekali gus memberitahu sehingga kini terdapat 30 produk inovasi rekaannya berjaya dijual kepada pembeli secara terus seperti mono kesikal yang direka khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU).

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (KRISIS AIR SELANGOR) : MUKA SURAT 44
TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)

El Nino: Kerajaan negeri sudah buat persiapan

KERAJAAN negeri sudah bersedia berdepan musim panas dan sudah mengambil langkah awal bagi mengurangkan kesan El Nino dengan kerjasama **Jabatan Meteorologi Malaysia** dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong berkata, kerajaan negeri sudah melakukan operasi pembenihan awan yang dilaksanakan Luas sejak 27 Mac lalu sehingga sekarang dengan kerjasama **Jabatan Meteorologi** dan syarikat swasta bagi meningkatkan paras empangan Sungai Selangor kepada 55 peratus.

"Selain itu, pengempaman air Sungai Selangor ke dalam kolam alternatif yang terdapat di Hulu Sauk di sepanjang sungai apabila paras sungai rendah akibat cuaca

Empangan	Takungan (%)	Hujan (Mm)
Batu	92.05	0.00
Klang Gates	79.80	0.00
Langat	70.21	0.00
Semenyih	86.18	0.00
Sg Selangor	43.79	0.00
Sg Tinggi	70.07	0.00
Tasik Subang	82.37	0.00

SUMBER: <http://iwrimsluas.gov.my/>

ca kering juga dilakukan," katanya menjawab pertanyaan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib dalam Sidang Dun, semalam.

Pihaknya juga berusaha memastikan bekalan air mencukupi sehingga bulan Oktober dengan bantuan Luas serta kerjasama dengan Kumpulan Semesta (KSSB) melalui pemasangan unit pam yang akan digunakan untuk mengempam air dari ko-

lam alternatif ke dalam Sungai Selangor bagi menambah bekalan air mentah.

"Luas sudah mengenal pasti beberapa lokasi untuk mendapatkan air bumi sebagai sumber tambahan ketika musim kering.

"Kilang Megasteel di Kuala Langat umpamanya telah memberikan komitmen secara berterusan bagi membekalkan sumber air bumi kepada orang awam," katanya.

Fenomena El Nino bermula awal bulan ini dan dijangka hingga September dialami rakyat negeri ini dengan suhu melebihi 35 darjah Celsius.

Impak El Nino kepada negara pula secara umumnya boleh menyebabkan hujan berkurangan serta berlaku kebakaran hutan yang boleh menyebabkan kejadian jerebu tebal.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)



Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Angin kencang barat daya dan laut bergelora di perairan Langkawi, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah (Kudat dan Pantai Barat) dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan pada Selasa berkata angin kencang barat daya berkelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Kawasan perairan Phuket, Selat Melaka Utara, Samui, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan turut diramal mengalami keadaan serupa.

Kenyataan itu juga memberi amaran ribut petir di perairan Condore, Samui, Sulu dan Reef North yang dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

Keadaan itu boleh mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora dengan ketinggian ombak mencecah 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B6
TARIKH: 18 JUN 2014 (RABU)

Unjur bioteknologi hasilkan 60 peratus pelaburan

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BioTech Corp) menyoar meraih sehingga 60 peratus sumbangan pelaburan daripada sektor industri bioteknologi menjelang akhir tahun ini, kata Ketua Pegawai Operasinya Razwin Sulairee Hasnan Termizi.

Pada awal Mei, syarikat itu menyoar membawa masuk pelaburan RM5 bilion tahun ini.

Beliau berkata, momentum sektor industri bioteknologi semakin meningkat dengan penggiat industri sudah nampak peluang dan premium yang bakal diperoleh jika menceburi pasaran itu.

"Ini juga disebabkan peningkatan dalam industri minyak sawit Malaysia, di samping trend pelaburan negara Barat di rantau Asia bagi menggantikan minyak.

"Mereka sedang mencari bahan mentah lebih bersih dan minyak sawit adalah komoditi paling sesuai menggantikan minyak," katanya pada sidang media di luar persidangan Pasaran Bio Dunia Asia 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

Tahun lalu, BioTech Corp memperoleh pelaburan RM4.12 bilion dengan 53 peratus daripadanya



bioteknologi ketinggalan sedikit di belakang sektor perubatan dan pertanian memandangkan penggiat industri terbabit memerlukan lebih banyak masa untuk menubuhkan infrastruktur sebelum operasi.

Industri terus berkembang
Beliau berkata, industri bioteknologi di Malaysia akan terus berkembang tahun ini dengan 234 syarikat berstatus BioNexus di bawah BioTech Corp diunjur memperoleh peningkatan hasil 10 peratus daripada RM1.3 bilion yang dicapai pada 2013.

Pasaran kimia di Malaysia dianggarkan bernilai RM360 bilion menjelang 2020, dengan 10 peratus produk berasaskan minyak sawit.

Razwin Sulairee Hasnan Termizi
disumbangkan sektor industri bioteknologi dan bakinya sektor pertanian serta perubatan.
Razwin berkata, sektor industri

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

Syarikat milik Kementerian Kewangan rugi RM78.72 juta

KUALA LUMPUR 17 Jun - Syarikat milik Kementerian Kewangan, **Inno Biologics Sdn. Bhd. (IBL)** mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM78.72 juta bagi tempoh 2010 hingga 2012.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 2, jumlah kerugian terkumpul itu membabitkan RM25.73 juta pada 2010, RM27.18 juta (2011) dan RM25.81 juta (2012).

Kata laporan itu, pendapatan IBL yang diperolehi melalui perkhidmatan pengilang kontrak produk bioteknologi, penyelidikan dan latihan berkaitan bioteknologi juga menunjukkan trend penurunan yang ketara sebanyak RM2.61 juta atau 88.2 peratus pada 2012 berbanding tahun sebelumnya disebabkan faktor penurunan perolehan daripada kontrak penyelidikan serta tiada hasil dicatatkan bagi kontrak pengilangan.

"Pada pendapat Audit, IBL perlu lebih proaktif dalam menjana hasil kepada pendapatan syarikat dan mengurangkan kebergantungan kepada kontrak pengilangan tanpa menghasilkan produk komersial.

"Pada 31 Disember 2012, IBL mempunyai liabiliti semasa bersih berjumlah RM87.02 juta dan defisit dalam ekuiti pemegang saham berjumlah RM27.72 juta sekali gus menjadikan prestasi kewangan IBL pada 2012 tidak menunjukkan kedudukan kewangan memberangsangkan," kata laporan itu yang dikeluarkan semalam.

Berdasarkan analisis Audit, bagi tempoh 2010 hingga 2013, janaan pendapatan daripada aktiviti latihan berkaitan bidang bioteknologi menunjukkan pengurangan berte-

rusan iaitu daripada RM31,951 pada 2010 kepada RM21,525 (2012) dan kepada RM10,250 (2013).

Kata laporan itu, tiada sebarang hasil perolehan pendapatan dicatatkan aktiviti sokongan berkenaan pada 2011.

"Walaupun bagaimanapun, IBL berjaya mendapat dua kontrak pengilangan daripada pelanggan antarabangsa iaitu Avesta Biotherapeutics & Research Pvt. Ltd./Avesthagen Limited, India dan Yuhan Corporation, Korea dengan nilai kontrak berjumlah RM5.49 juta.

"Trend permintaan kepada khidmat penyelidikan juga semakin meningkat apabila hasil pendapatan aktiviti ini bertambah 290.5 peratus pada 2012," katanya.

Menurut laporan itu, maklum balas yang diterima daripada syarikat terbabit pada 18 April lalu memberitahu, model perniagaan IBL adalah bersandarkan kepada perkhidmatan kontrak pengilangan sahaja yang pada hemat mereka, model perniagaan seumpama itu tidak mampu bertahan untuk jangka masa panjang berdasarkan kepada cabaran yang dihadapi syarikat.

"Pengurusan semasa merasakan sudah sampai masanya IBL merombak model perniagaan agar syarikat boleh berdaya saing pada masa akan datang.

"Hasil beberapa perbincangan dan disusuli dengan bengkel bersama Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Kementerian Kewangan, pihak syarikat membentangkan pelan pemulihan syarikat dan mendapat mandat untuk melaksanakan pelan itu," katanya.

Signing on to science's superiority

URGENT: The Mahathir Science Award emphasises the need for the nation to invest in science

WE know about Vision 2020. We are familiar with the call to become a developed nation.

That we should enjoy high income with inclusiveness and sustainability. We do not have to embrace the exact mould of developed nations. Even they are exploring anew. This is because their current mould has serious imperfections. It is not inclusive.

The income disparity among their people is widening. Chronic social problems have not shown signs of abating. It is not sustainable. So Vision 2020 suggests we need to create our own. We need one that invigorates a civilised society, creating wealth in harmony with nature and man.

The Academy, in partnership with the Mahathir Science Award Foundation, recently hosted a dinner in conjunction with the presentation of the Mahathir Science Award for 2013. The winner, Dr Alan Cowman, is an Australian scientist who has dedicated much of his research to malaria, a disease of the tropics which continues to inflict sufferings on tropical countries.

His findings bring us closer to developing a vaccine for malaria.

As the only award in the world

that celebrates the scientific achievements of the tropics, the Mahathir Science Award continues to attract good nominations from around the world.

At nine years old, the award is considered young. But with the right support, the Academy aspires to eventually make the award equivalent in prestige to the Nobel Prize.

Former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad presented the award to Dr Cowman.

Addressing the audience in his usual relaxed style, Dr Mahathir was in his element. And his impromptu speech on the subject of science provided enough justification why the award was appropriately named after him. His belief in science is unwavering. The award in a way recognises Dr Mahathir's passionate fascination with the power of science and technology.

During his tenure as prime minister, he started the scientific transformation for the country. Many scientific initiatives, including Multimedia Supercorridor, technology park, Malaysian Technology Development Corporation, Malaysian industrial government group on high technology and the academy of sciences, were established through his urgings.

Dr Mahathir was fortunate to have Tan Sri Omar Abdul Rahman as his science adviser then. He orchestrated the ground work for the initiatives.

In his remarks, Dr Mahathir emphasised the need for the nation to invest in science. This is because there is much evidence to show that science is the path to discover new knowledge.

And, civilisation is about con-

stantly acquiring new knowledge. Without embracing science and developing new knowledge, a society will not taste the true flavour of progress. History has shown us how past civilisations thrived on the power of science and the growth of knowledge.

During the glory days of the Islamic scientific achievements, the Islamic countries of the Middle East were among the major centres of civilisation in the world. Scholars from all over the world converged on those countries seeking new knowledge.

Through such civilised environment, the countries also enjoyed economic and social progress. However, as soon as the investment and commitment to science started to wane, the decline in socio-economic progress was inevitable.

The Mahathir Science Award is one of many attempts by the Academy to motivate interest in science among Malaysians. Recent years have seen science taking a downturn.

And this is not healthy if we are to achieve the targets to be a developed nation come 2020. Fortunately, the government is beginning to listen. New science based initiatives are being supported.

The recent launch of the Science to Action by the prime minister has boosted the morale of scientists in the country. It is another attempt to transform the country's scientific endeavours. But we must be reminded that science is not only for scientists.

If we are to harness the fruits of science, then science should be embraced by all. And support should not just be limited to government. It is time businesses help the government move the country's science agenda.

Then science will truly build a civilised nation.



Dr Ahmad Ibrahim is fellow of the Academy of Sciences Malaysia



Australian scientist **Dr Alan Cowman**, who won the Mahathir Science Award 2013, dedicates much of his research to **malaria**.



Ecerdc Bantu Jana Pendapatan Usahawan Lebih Lumayan

Oleh Rohaiza Ab Rahman

KOTA BAHARU (Bernama) -- Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Usaha yang tidak mengenal putus asa menjadi asas kejayaan suri rumah Mas Ayu Rosli, 37, yang kini bergelar usahawan melalui Program Pembangunan Keusahawanan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC-EEDP) di Kelantan.

Berkat kegigihannya, Mas Ayu berjaya memiliki kilang sendiri dan produk kacang keluarannya mula menebusi pasaran seluruh negara.

Bermula dengan menggunakan ketuhar saudara untuk memanggang kacang dan menghasilkan kacang sira yang dihantar ke beberapa warung berdekatan, Mas Ayu mengorak langkah membina syarikat Ayusri Enterprise beberapa tahun kemudian.

Mas Ayu berkata, beliau melihat potensi perniagaan itu selepas mendapati jualanannya laris dan mula mendapat permintaan ulangan daripada pemilik warung.

"Ketika itu hanya suami yang bekerja sebagai nelayan menampung kehidupan kami sekeluarga. Jadi saya cuba mencari sesuatu pekerjaan yang dapat membantu suami.

"Idea untuk menjual kacang ini bermula ketika saya sarat mengandung dan mengidam untuk makan kacang sira tetapi kacang yang dibeli tidak menepati citarasa. Saya mengambil keputusan untuk membuatnya sendiri", katanya.

Selepas saya makan, kacang sira yang selebihnya dihantar untuk dijual ke warung berhampiran rumah dan habis hanya dalam masa dua hari.

ADAT BERNIAGA PENUH CABARAN

Namun, adat berniaga memang penuh cabaran. Pada peringkat awal perniagaan Mas Ayu hanya mampu mendapatkan bekalan kacang mentah di Pasar Siti Khatijah di sini dengan harga yang agak mahal untuk dipasarkan.

Dengan iltizam mengembangkan perniagaan, beliau berusaha mencari pembekal kacang yang dapat menawarkan harga yang lebih kompetitif.

Usahanya membuahkan hasil apabila berjaya mendapatkan bekalan dari Pulau Pinang yang menawarkan harga yang lebih baik selain menerima penghantaran terus ke kilangnya.

Dari situlah Mas Ayu bersemangat meneruskan jualan sehingga kini bergelar usahawan dan berjaya menerima banyak tempahan tempatan dan beberapa negeri lain.

Beliau juga berhasrat meneroka pasaran baharu luar negara selain sedang berusaha mendapatkan bekalan kacang yang lebih murah dan berkualiti dari luar negara.

Selain kacang sira, Mas Ayu turut mempelbagaikan produk dengan membungkus kacang kuning dan kacang masin sebagai jualan tambahan yang juga mula mendapat sambutan.

SUAMI TINGGALKAN DUNIA NELAYAN

Suaminya, Mohd Ashri Abdul Rahim, 47, turut berhenti kerja sebagai nelayan tiga tahun lepas bagi memberi tumpuan kepada perniagaan yang dijalankan itu.

"Saya kagum dengan kegigihan isteri dalam mengembangkan perniagaan kami. Memandangkan permintaan yang makin bertambah saya mengambil keputusan berhenti kerja dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada perniagaan.

"Semua urusan penghantaran, saya lakukan dengan membuat pungutan jualan mengikut jadual perjalanan yang telah dirancang bersama isteri," katanya.

Mohd Ashri mengakui bertuah memiliki isteri seperti Mas Ayu yang kreatif dan sentiasa mencari peluang untuk memajukan diri dan menjana pendapatan keluarga.

Kini dengan wujudnya kilang di Pasir Tumboh di sini, sebulan lepas, pasangan itu mampu memasarkan produk kepada 3,000 pelanggan di Kelantan dan beberapa negeri lain termasuk Selangor dan Terengganu.

Melalui pinjaman Agro Bank berjumlah RM70,000 dan menjadi peserta EEDP, Mas Ayu juga membeli mesin memanggang kacang yang boleh memuatkan 50 kilogram kacang pada satu masa selain empat mesin pembungkus dengan empat orang pekerja.

Mas Ayu juga membuat persediaan untuk tempahan Hari Raya Aidilfitri ini dan merancang menambah keluasan kilang ke tingkat kedua bagi dijadikan stor simpanan bahan mentah.

USAHAWAN SERUNDING KEMBANGKAN LEGASI KELUARGA

Seorang lagi usahawan Zainab Ismail, 40, mengukir kejayaan sama dalam perniagaan serunding di Palekbang, Tumpat apabila kini berupaya menghasilkan 200 kilogram serunding sehari.

Perusahaan yang diwarisi dari ibunya sejak 10 tahun lepas berjaya dikembangkan dan kini mempunyai 22 pengedar di Kelantan dan Terengganu selain berjaya dipasarkan ke Johor Bahru bermula tahun lepas.

Pada permulaan perniagaan, Zainab hanya menggunakan dua buah kawah (kuali besar) untuk memasak serunding. Tetapi kini jumlah kawah bertambah kepada 13 buah bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

"Kerja menyediakan serunding menjadi lebih cepat dengan jumlah yang lebih banyak selepas mendapat bantuan membeli mesin pengeringan serunding", katanya.

Katanya dia banyak menimba ilmu semasa menjalani program yang disediakan terutama dalam menaik taraf produk dan kelebihan pensijilan halal dalam meluaskan lagi pasaran produk.

"Saya merancang untuk mengubahsuai premis perniagaan saya bagi melayakkan mendapat sijil halal memandangkan produk serunding ini mendapat permintaan dari luar negara", katanya.

Menggunakan nama syarikat Afza Berkat Enterprise, kilangnya membekalkan pelbagai jenis serunding iaitu serunding daging, serunding ayam dan serunding ikan dengan resepi yang diwarisi ibunya.

ECERDC SENTIASA KOMITED BANTU USAHAWAN

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Datuk Jebasingam Issace John berkata melalui Program Pembangunan Keusahawanan ECERDC, usahawan berpeluang mengembangkan lagi perniagaan melalui bantuan dan program yang ditawarkan.

"Antara program yang ditawarkan termasuk Program Pembiayaan Kewangan dengan kerjasama Agro Bank dan Program Bimbingan Usahawan oleh [SIRIM Berhad](#)", katanya.

Beliau berkata sejak pelaksanaan EEDP pada tahun 2012, program terbabit telah membantu 1,360 usahawan iaitu seramai 1,282 di bawah Agro Bank manakala 78 lagi dengan bimbingan [SIRIM Berhad](#).

Bagi negeri Kelantan, EEDP telah memberi manfaat kepada 376 usahawan masing-masing 345 melalui Agro Bank dan 31 orang lagi dengan kerjasama [SIRIM Berhad](#).

-- BERNAMA



Dua Anggota Parlimen PKR Diperintah Keluar Dari Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Dua anggota Parlimen PKR, N. Surendran (Padang Serai) dan Fuziah Salleh (Kuantan) diarahkan keluar dari Dewan Rakyat selepas mengingkari nasihat Speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Fuziah diarah keluar apabila beliau mempersoalkan kewajaran penolakan usul membahaskan isu Lesen Operasi Sementara (TOL) berkaitan projek [Lynas](#).

Semasa Pandikar sedang memberi penjelasan, Surendran pula bangun mencelah dan meminta Speaker Dewan Rakyat untuk menjelaskan mengapa usul itu ditolak.

Apabila Surendran mengingkari arahan untuk duduk, Pandikar berkata: "Ahli yang terhormat Padang Serai, saya buat keputusan yang terhormat.

"Yang Berhormat, saya tahu yang terhormat apabila berdiri mengenai petisyen terpaksa juga rujuk point of order 14F," tegas Pandikar pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

"Oleh kerana Padang Serai dan Kuantan enggan mematuhi arahan saya maka sekarang ini saya arahkan Yang terhormat keluar dari Dewan," katanya.

Arahan Pandikar itu mengakibatkan suasana di dalam Dewan Rakyat menjadi kecoh seketika.

Ini adalah kali keempat Surendran diusir daripada persidangan Dewan Rakyat dan semalam hari pertama beliau menghadiri persidangan selepas penggantungan enam bulan pada November tahun lepas, tamat tempoh.

-- BERNAMA